

99 peratus rakyat Malaysia tiada wasiat

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Kira-kira 99 peratus rakyat Malaysia masih tidak mempunyai kesedaran untuk menulis wasiat berhubung pembahagian harta selepas pemilik meninggal dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB), Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz berkata, kesedaran orang ramai termasuk golongan profesional seperti doktor, jurutera dan golongan pendidik itu sendiri masih berada di tahap yang rendah.

Menurutnya, jumlah aset pusaka yang tidak dipindah milik atau dibekukan di pelbagai institusi sehingga kini mencecah RM60 bilion.

Sehubungan itu katanya, MAAB menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat peneraju industri unit amanah, Pelaburan Mara Berhad (PMBI) dalam menyediakan khidmat pengurusan amanah serta wasiat kepada para pelabur.

“Jalinan kerjasama strategik ini dilaksanakan bagi mendidik serta mendedahkan pelabur terhadap kepentingan perancangan harta bagi setiap individu atau pelabur melalui wasiat dan pengurusan

amanah bagi kepentingan ahli keluarga itu demi menghadapi ketidakpastian masa hadapan,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis MoU itu.

MoU bagi pihak MAAB diwakili oleh Ahmad Saruji manakala bagi pihak PMBI diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Najmi Mohamed.

Yang turut hadir, Pengerusi PMB Investment, Datuk Abdul Malik Ismail dan Pengerusi MAAB, Datuk Mohamad Ali Hasan.

Ahmad Saruji memberitahu, MAAB hanya mengenakan yuran RM400 untuk menulis wasiat dan dua peratus daripada jumlah aset untuk pembahagian harta pusaka.

Sementara itu, Timbalan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Mutadho Bahri berkata, dengan pemeteraian perjanjian itu, para pelanggan tidak lagi perlu bersusah payah datang ke mana-mana syarikat amanah sebaliknya mereka hanya perlu membuat janji temu dengan perunding Unit Trust PMBI.

“Ini bermakna pelanggan tidak lagi perlu mengambil cuti semata-mata untuk menguruskan wasiat dan pengurusan pusaka,” katanya.



AHMAD SARUJI ABDUL AZIZ (kiri) mewakili MAAB bertukar dokumen MoU dengan wakil PMBI, Najmi Mohamed di Kuala Lumpur, semalam.